

13 NOV 1999

Zaharah-Amanat

AMANAT PRESIDEN PEGANGAN WANITA BN, KATA SITI ZAHARAH

KUANTAN, 13 Nov (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan menjadikan amanat Presiden Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pegangannya dalam usaha habis-habisan memenangi pilihan raya umum kali ini.

Ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata Wanita BN, khususnya Wanita Umno, akan membuktikan kepada pihak lawan bahawa sememangnya tidak ada tempat bagi mereka (untuk memenangi pilihan raya).

"Kalau mereka ingin mengaburkan mata rakyat, tidak ada benda untuk mereka tunjukkan sebagai bukti tetapi bagi BN, kita ada banyak perkara yang boleh dijadikan bukti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan hari ucapan dan penyampaian hadiah Sekolah Kebangsaan Ubai di sini.

Kira-kira 5,000 orang dijangka menghadiri Perhimpunan Pemuda dan Wanita yang mewakili semua parti komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur esok bagi mendengar amanat Dr Mahathir menjelang pilihan raya umum kelak.

Siti Zaharah berkata pada perjumpaan itu, Dr Mahathir akan menyampaikan amanat penting kepada semua petugas Wanita dan Pemuda BN tentang peranan yang harus mereka mainkan untuk bekerja sebagai satu pasukan.

Beliau berkata Wanita Umno sememangnya tidak bertolak ansur daripada segi komitmen dan kini meletakkan seluruh tumpuan kepada soal menghadapi pilihan raya.

Mengenai kempen, beliau berkata Pergerakan Wanita Umno sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang disifatkan sebagai kawasan hitam dan perlu diberikan perhatian khusus semasa berkempen kelak.

"Kita berharap pengundi di kawasan terbabit akan sedar bahawa kita berniat baik. Kita (BN) mahukan kebaikan untuk semua dan kita yakin kita akan mencapai kemenangan," katanya.

Semasa ditanya tentang senarai calon wanita, beliau berkata perkara itu masih dalam peringkat rundingan dan Wanita Umno sentiasa mengharapkan yang terbaik untuk parti.

-- BERNAMA

ROS AKD